



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Soalan

SAYA belajar di tingkatan lima dan sudah mempunyai pelbagai perancangan untuk masa depan namun segala harapan itu musnah apabila mengalami pendarahan otak yang menyebabkan saya lumpuh sebelah badan sekali gus memegang status orang kurang upaya (OKU).

Saya hilang semangat untuk hidup dan berasa amat sedih kerana dulunya saya sangat minat dalam sukan. Hati saya pilu melihat rakan lain bersukan manakala saya hanya duduk tanpa dapat melakukan apa yang disukai seperti dulu.

Tahun ini juga saya akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tetapi tidak dapat mewakili sekolah dalam sebarang pertandingan bagi mendapatkan sijil yang boleh menyokong kemasukan saya ke institusi pengajian tinggi (IPT) kelak.

Saya tidak tahu ke mana hala tuju selepas SPM kerana

Cacat bukan balasan Tuhan

cita-cita ingin menjadi seorang pemain badminton selain ingin menjadi seorang ahli muzik. Jika melihat keadaan saya sekarang ini, masih tiada perubahan biarpun menjalani rawatan terapi di hospital dan tradisional.

Saya ingin meminta nasihat dari Dr mengenai hala tuju saya selepas ini dan adakah ini pembalasan dari Tuhan atas segala dosa saya selama ini?

KECEWA,
Negeri Sembilan.

Jawapan

PERUBAHAN fizikal dari seorang yang sempurna kepada kurang upaya tentu sekali memberi kesan trauma, bukan saja kepada diri adik, malah keluarga dan orang yang rapat dengan adik. Dr amat memahami betapa sukarnya untuk menerima kenyataan perkara yang berlaku ke atas diri adik.

Perubahan dari seorang anak muda yang normal kepada OKU memerlukan penyesuaian dari sudut

pergerakan fizikal, emosi, gaya hidup, konsep sendiri, cita-cita, cara berfikir dan penerimaan pihak lain. Hampir keseluruhan hidup adik berubah apabila menjadi OKU. Keluarga adik turut menerima kesan ini.

Dr akui, berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Sesiapapun yang berada dalam situasi adik, tentunya bukan mudah untuk melalui saat-saat penuh kesukaran ini. Banyak cabaran dan tanggapan yang terpaksa dihadapi oleh OKU. Sepatutnya, sokongan kepada OKU dalam apa jua bentuk sama ada moral, kemudahan fizikal, melanjutkan pengajian, pekerjaan dan perniagaan, walaupun ada, tetapi perlu diperluaskan dari semasa ke semasa.

Mengenai diri adik yang tidak lagi sempurna, antara perkara pertama perlu dilakukan adalah tidak bersifat menghukum baik kepada diri adik atau pihak lain.

Menghukum diri adik menjadi OKU adalah balasan dari Allah hanya menambahkan lagi seksaan, derita psikologi dan emosi adik.

Adik perlu menerima ketentuan ini secara perlahan-lahan, belajar menerima segala yang berlaku dan mencari alternatif kehidupan bersesuaian dengan keadaan diri. Ini kerana, sejauh mana kita inginkan sesuatu dalam kehidupan ini, kita tidak boleh mengawal perkara yang bakal berlaku dan terpaksa bersetuju dengan pilihan yang ada.

Adik, segala yang menimpa manusia adalah satu ujian dari Allah kepada hamba-Nya. Allah juga menjanjikan berita gembira, pahala, rahmat, jalan keluar kepada hamba-Nya yang bersabar dalam menghadapi ujian ini.

Firman Allah dalam Surah Al-Ankabut: 2 yang bermaksud: "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata; kami beriman,

sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan".

Allah menegaskan orang Islam tidak cukup dengan hanya beriman dan mengaku menjadi Islam saja, tetapi hendaklah bersabar dan tabah hati menerima ujian seperti kesusahan, kemalangan, kehilangan, kemusnahan yang menimpa diri dan harta benda kita.

Menjadi OKU adalah bukti Allah sayang dan ingin menduga kesabaran adik atas dugaan-Nya.

Adik juga tidak boleh berputus asa untuk terus menjalani rawatan terapi di hospital dan juga secara tradisional. Allah berfirman maksudnya, "Jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir." (Yusuf : 87)

Dr amat bangga kerana adik begitu bersemangat untuk melanjutkan pelajaran di IPT. Jangan sekali-kali membatakan potensi diri hanya kerana adik OKU. Walaupun pergerakan fizikal terbatas kerana adik OKU, tetapi jiwa adik mesti kental. Dr sentiasa doakan semoga cita-cita adik untuk melanjutkan pengajian ke IPT akan tercapai. Jika adik kental semangat untuk belajar, pastinya ada peluang untuk adik.

Hala tuju melanjutkan pengajian IPT di Malaysia adalah untuk semua termasuk golongan OKU. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sememangnya memberi peluang melanjutkan pengajian bagi OKU seperti adik. Kriteria pemilihan, terutama dari markah kokurikulum tentu sekali berbeza antara calon OKU dengan calon normal. Tentulah amat tidak adil jika syarat pemilihan untuk calon OKU dengan normal adalah sama. Malah bantuan kewangan pelajar OKU di IPT juga disediakan.

Untuk maklumat lanjut mengenai peluang melanjutkan pengajian dan bantuan kewangan pelajar OKU, adik

Menjadi OKU adalah bukti Allah sayang serta menduga kesabaran atas dugaan-Nya

boleh layari laman web www.mohe.gov.my.

Jika adik berminat untuk melanjutkan pengajian di institusi pilihan adik, adik boleh layari laman web www.uim.edu.my.

Antara IPT lain yang menawarkan bidang muzik ialah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) (www.aswara.edu.my) dan Universiti Malaysia Sabah (www.ums.edu.my). Sekiranya adik tidak dapat meneruskan pengajian muzik di IPT, tidak bermakna adik tidak boleh bermain muzik. Adik masih boleh belajar dalam bidang lain di IPT tetapi boleh menjadikan muzik sebagai salah satu hobi.

Tidak semestinya sebagai OKU, adik tidak boleh aktif sukan. Adik masih boleh bersukan. Contohnya, Sukan Paralimpik adalah temasya sukan tertinggi bagi OKU sama seperti atlet normal. Penganjuran Sukan Paralimpik adalah syarat wajib bagi negara-negara yang ingin membida untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik.

Kontinjen negara pernah meraih banyak pingat dalam sukan Paralimpik yang dianjurkan di dunia. (<http://www.nsc.gov.my>). Ini menunjukkan kehebatan OKU negara ini. Adik juga boleh menjadikan aktiviti bersukan untuk mengisi waktu senggang.

Dalam adik menempuh kehidupan sebagai OKU, banyak kesukarannya. Dr hanya berharap apa jua kesukaran kehidupan, adik tabah menghadapinya. Minta bantuan keluarga, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian terbabit. Dapatkan sebanyak mungkin maklumat yang perlu untuk adik meneruskan cita-cita dan kehidupan. Babitkan diri dengan aktiviti persatuan.

Dr benar-benar berharap adik tidak menghukum diri dan belajar terima hakikat kehidupan. Memang sukar tetapi bagi setiap kejadian, tentu ada hikmahnya.